



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Seperti Senarai Terlampir
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPS/UPSM/A/0047
Tarikh : 16 Januari 2008

KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BIL 4 TAHUN 2008

PEMAKAIAN PAKAIAN BATIK MALAYSIA OLEH PEGAWAI AWAM PADA HARI KHAMIS

Adalah dimaklumkan keputusan Kerajaan Malaysia melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2008, memutuskan supaya hari pemakaian batik oleh pegawai awam dipinda kepada setiap hari **Khamis**. Pindaan ini juga melibatkan hari pemakaian fesyen pakaian batik Malaysia alternatif pegawai lelaki .

2. Arahan pemakaian batik pada setiap hari Khamis ini tidak terpakai kepada pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam, pegawai yang menghadiri acara-acara rasmi seperti persidangan - persidangan antarabangsa, perjumpaan dengan pelawat-pelawat asing atau pegawai yang menghadiri majlis rasmi yang menetapkan pemakaian jenis pakaian yang lain.

3. Tarikh kuatkuasa pemakaian pakaian batik Malaysia adalah mulai tarikh kenyataan ini dikeluarkan.

Sekian, dimaklumkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

'Kreatif, Inovatif, Progresif'

(MEGAT ABDUL RAHAMAN B MOHAMAD)
Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia

s.k. Y Bhg Dato' Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian